

Enam pelajar UMSKAL raih pingat

NST 30.11.19 15

LABUAN: Enam pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berjaya meraih pingat di Kejohanan Taekwondo Speed Power Antarabangsa ke-9 2019 yang diadakan di Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Amerlin Jani mendapat pingat emas menerusi kategori welter, Khairunisa Suwarno yang bertanding bagi kategori middle membawa pulang pingat perak. Turut meraih perak dalam kejohanan itu Gerard Umin Anak Ngadi dalam kategori fly.

Sementara itu, Tan Chee Cong, Nur Nabilah Afiqah Azmi dan Cho Kai Xuan mengutip gangsa masing masing dalam acara fin, bantam dan feather.

Sebanyak 24 pasukan tempatan termasuk Speed Power Taekwondo Labuan (Malaysia) – UMSKAL & KML, Speed Power Taekwondo Kedah, Speed Power Taekwondo Melaka, Speed Power Taekwondo Perak, Kelab TKD Bekas Tentera dan Harmony TKD Club menyertai kejohanan

tersebut.

Selain pasukan dari Malaysia, kejohanan itu turut disertai pasukan dari South Korea, Oman, Brunei, Thailand, Iran, Indonesia, Australia (Edge Taekwondo Club), Filipina (JH Kim), Singapura (JH Kim Singapore, Global Taekwondo Academy Singapore, Singapore Taekwondo Gymnasium) dan India (Madurai Taekwondo India, Heroes Taekwondo India, OMR TKD Club Chennai India, Dolphin Elite School India).

Ketua Sektor Sukan dan Rekreasi UMSKAL, Ahmad Fadly Abdul Rahman mengucapkan tahniah dan syabas kepada pelajar UMSKAL yang berjaya meraih pingat di kejohanan tersebut.

"Kami berharap lebih banyak kejayaan diperolehi pelajar UMSKAL di pentas kebangsaan dan antarabangsa pada masa hadapan," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada dua pegawai pengiring, Master Muhidi Moet dan Harlina Hamsa. **-JAINUDIN DJIMIN**



TAHNIAH...Enam pelajar UMSKAL yang berjaya meraih pingat.